




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **94 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,655 kes**. Empat (4) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Sandakan, satu (1) kes di daerah Tawau dan satu (1) kes di daerah Telupid. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 404 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 50,106 orang. Pada hari ini, sejumlah 934 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 369 orang di hospital, 563 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 58 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran berubah dari zon merah ke zon jingga dan Daerah

Sipitang bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

Manakala Daerah Tenom telah berubah dari zon Kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, tiada **kluster** baru dilaporkan.
- 5 Daripada 94 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 55 kes (58.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 14 kes (14.9%), saringan kluster sedia ada 17 kes (18.1%), pra kemasukan wad / rawatan tiga (3) kes (3.2%), saringan tempat kerja/ masuk kerja satu (1) kes (1.1%) dan empat (4) kes (4.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,061 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,935 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,996 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 15.58%.

B BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga 17 Februari 2021, sejumlah **65,396** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 44,430 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 60 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, sembilan (9) tangkapan dibuat dan 71 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 175 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 40 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Kastam 1967.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 307 lokasi melibatkan anggota seramai 152 (APM) dan 67 (RELA).
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Keningau dan Semporna.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 95 lokasi melibatkan 17 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.

- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 372 hebahan di seluruh Sabah.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	94%
2	Tuaran	94%
3	Penampang	94%
4	Papar	94%
5	Beaufort	94%
6	Semporna	93%
7	Kunak	93%
8	Beluran	93%
9	Kudat	93%
10	Kota Belud	93%
11	Kinabatangan	93%
12	Keningau	93%
13	Kota Marudu	93%
14	Sipitang	93%
15	Kota Kinabalu	92%
16	Ranau	92%
17	Tawau	92%
18	Sandakan	91%
19	Lahad Datu	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
17 Februari 2021**